

09 MAY 1998

12 MEI DIPILIH SEBAGAI HARI WARTAWAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Tarikh 12 Mei dipilih sebagai Hari Wartawan Malaysia oleh Persatuan Wartawan Melayu (PWM).

PWM memilih tarikh itu kerana ia merupakan tarikh penubuhan Kesatuan Wartawan Akhbar Se-Malaya pada 1940, kata Presiden PWM Yazid Othman hari ini.

Selain itu, hasil kajian dua tahun oleh PWM dan beberapa profesor bidang media dari institusi pengajian tinggi tempatan juga memilih tarikh itu.

"Sehubungan itu, PWM akan mengadakan sambutan Hari Wartawan yang pelancarannya dijadualkan oleh Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata PWM berharap dapat mengadakan majlis perasmian Hari Wartawan Malaysia pada tahun depan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sempena pelancaran itu Selasa ini, PWM akan mengadakan satu forum mengenai dunia kewartawanan di Rumah Persatuan Wartawan Melayu Malaysia, Jalan Bukit Petaling di sini.

Turut dilancarkan pada hari itu ialah buku "Wartawan dan Cabaran" yang diterbitkan oleh PWM dan Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya, katanya.

--BERNAMA

NM NAK